

04/11/2000

87 ekuin bersaing rebut Piala Perdana Siri 2000

Mohd Ali Majid

SERAMAI 87 ekuin dari dalam dan luar negara dengan 119 kuda terbaik akan bersaing mempamerkan kehebatan pada final Piala Perdana Siri 2000 di Padang Polo Bukit Kiara Equestrian & Country Resort Kuala Lumpur pada 9 hingga 12 November ini.

Kejohanan terbesar dan terakhir dalam Kalendar Persatuan Ekuestrian Malaysia (EAM) anjuran ARL Marketing Sdn Bhd (ARLM) sempena hari kelahiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, turut disertai ekuin Projek Gemilang 2001.

Dengan perbelanjaan RM400,000 kejohanan tajaan bersama Petronas, Sport Toto, AMAL dan Bukit Kiara Equestrian Berhad ini menawarkan hadiah wang tunai keseluruhan RM80,000.

Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan, Abdul Razak Latif, berkata kehadiran jaguh-jaguh ekuin terbaik dari dalam dan luar negara akan meningkatkan lagi semangat bertanding setiap peserta.

Katanya, kejohanan ini juga untuk memupuk minat dan meningkatkan pengetahuan umum terhadap sukan ekuestrian di samping sebagai ujian bagi ekuin Projek Gemilang menjelang Sukan Sea 2001 nanti.

"Dengan penganjuran sukan ini sama ada di peringkat dalam negeri atau antarabangsa, kita akan dapat mempertingkatkan sukan ini kepada satu tahap yang dapat menarik minat masyarakat mahupun peserta," katanya pada sidang media di Bukit Kiara kelmarin.

Katanya, kejohanan empat hari itu dibahagikan kepada dua kategori iaitu dressage dan show jumping yang membabitkan 42 kelas dengan 121 penunggang, 138 kuda dan 560 penyertaan.

Dalam kategori dressage penunggang adalah daripada kelas preliminary pony kepada advance horse.

Manakala dalam kategori show jumping pula, penyertaan adalah dari Gred F hingga ke peringkat Grand Prix.

"Bagi membolehkan penunggang dari peringkat umur menyertai pertandingan ini mereka dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu junior riders (bawah 16 tahun), young riders (16-21 tahun) dan senior riders (21 tahun ke atas)," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga menjemput kanak-kanak istimewa daripada Tasputra Perkim dan kanak-kanak Orang Asli dari Janda Baik Pahang untuk memberi peluang kepada mereka menyaksikan kejohanan ini.

Sementara itu, 12 ekuin mengesahkan dalam acara Final Grand Prix iaitu kemuncak kejohanan yang menawarkan hadiah bonus RM20,000.

Antara mereka yang turut serta termasuk ekuin projek gemilang seperti Quzier Ambak, Azni Azar, Ruzailina Zainal Abidin dan Eric Koh.

Mereka akan memberi saingan sengit kepada pemenang cabaran Piala Perdana April lalu, Jason Cehon dari Korea, Helena Gabrielson dari Sweeden yang dimahkotakan sebagai juara liga piala dunia bagi Asia Tenggara di Ipoh akhir bulan lalu.

Bagaimanapun tiga ekuin terbaik negara, Qabil Ambak, Quzandria Nur dan Syed Omar Syed Abu Bakar tidak dapat beraksi kali ini kerana ini berada di luar negara belajar dan menjalani latihan di Eropah.

Qabil mempunyai peluang cerah untuk meraih kejuaraan ini berdasar kepada keupayaan di tempat kedua pada cabaran April lalu dan juara liga piala dunia Asia Tenggara pusingan pertama September lalu.

(END)